

Rancangan tebatan banjir

SEREMBAN – Bagi menangani masalah banjir di beberapa kawasan lokasi di negeri ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil langkah holistik dengan melaksanakan beberapa rancangan tebatan banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Perlindungan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan, Datuk VS Mogan berkata, antara kawasan terlibat yang dilaksanakan rancangan tersebut adalah di pekan Kota, Rembau dan di daerah Kuala Pilah.

“Rancangan tebatan banjir di pekan Kota yang menelan belanja sehingga RM1.6 juta itu telahpun bermula Julai tahun lalu dan dijangka siap Februari ini.

“Manakala, rancangan tebatan banjir di Kuala Pilah bermula Oktober tahun lalu dan dijangka siap pada Oktober depan membabitkan kos hampir RM1.25 juta” katanya.